

Kediaman Ecopark anjur program seni mempertahankan diri

UB 9.5.2019 B2

KOTA KINABALU: Satu program berbentuk seni mempertahankan diri dianjurkan oleh Kelab Seni Silat Pusaka Gayong Ecopark baru-baru ini.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada golongan wanita di peringkat UMS khususnya dan di luar amnya bagi sama-sama mempelajari asas seni mempertahankan diri.

Menurut Pengarah Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti, UMS Talib Abdullah Shani, terdapat pelbagai kelebihan melalui penganjuran program seumpama ini antaranya termasuklah sebagai satu asas pertahanan diri yang baik, menyihatkan tubuh badan dan proses pembentukan insan yang lebih berdisiplin, sabar, bertanggungjawab dan lain-lain lagi.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar



SESI bergambar bersama dengan Talib dan jawatankuasa pelaksana serta peserta program termasuklah pengurusan Kediaman Ecopark.

dan Alumni), UMS Prof Dr Ismail Ali berkata program-program seperti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta program tetapi juga jawatankuasa pelaksana turut memperolehi nilai tambah dalam menganjurkan sesuatu program.

Pengarah program Alqafutrie Aliuddin menyatakan program ini salah satu inisiatif pihak Kelab Seni Silat Pusaka Gayong Ecopark dalam usaha memberi kesedaran khususnya kepada golongan wanita akan keperluan memperluaskan diri dengan asas seni mempertahankan diri

dan juga ia telah berjaya menarik minat beberapa peserta wanita dari luar untuk turut serta di dalam program ini.

Majlis penutupan program ini turut dihadiri oleh Pengetua Kediaman Ecopark Wijaya Kamal Ramlan, barisan felo dan Jakmas Kediaman Ecopark.